

## Permohonan milikan terus syarikat atas tanah pertanian di Bidor Station, ditolak

Julai 4, 2023



IPOH: Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, menolak permohonan milikan terus oleh sebuah syarikat dari Selangor, Finorama Sdn Bhd (Finorama) ke atas tanah pertanian berkeluasan 97 hektar di sekitar kawasan Bidor Station, Bidor.

Hakim Bhupinder Singh Gurcharan Singh Preet turut mengarahkan kos sebanyak RM5,000 dibayar kepada sekumpulan petani peneroka seramai 25 orang yang sebelum ini memohon untuk mencelah sebagai responden dalam kes itu.

Peguam Ng Kian Nam yang mewakili kumpulan petani berkenaan ketika dihubungi BERNAMA berkata keputusan itu dibuat hakim pada prosiding yang berlangsung secara dalam talian hari ini.

Ng berkata, beliau berterima kasih kepada hakim atas keputusan yang adil itu kerana menerima hujahannya bahawa terdapat kecacatan dalam hak pajakan syarikat itu kerana apabila pajakan mula diberikan kepada syarikat berkenaan pada 1990, ia sebenarnya belum diperbadankan sehingga 1992.

"Syarikat yang belum wujud di bawah Akta Syarikat adalah tidak layak untuk memperoleh sebarang hak pajakan tanah," katanya.

Kes itu difaiklan oleh syarikat berkenaan sejak Oktober 2021 yang diwakili peguam Mohd Khairul Azhar.

Tanah pertanian itu sebelum ini dipajakkan oleh Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) kepada Finorama dari Selangor pada 1990.

Syarikat itu kemudian mengambil tindakan mahkamah dengan hasrat mengusir petani-petani peneroka tempatan dari tanah pertanian tradisi yang telah diusahakan lebih dari tiga generasi dan banyak menyumbang kepada bidang pertanian khasnya buah-buahan di Perak.

– Bernama